



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH)
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa bagi Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan masih SAH untuk melaksanakan kerja seperti yang berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	GRED & KOD BIDANG	LAWATAN TAPAK	TARIKH PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH AKHIR SERAHAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA	BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA
SBH.BPPH 11/2026	KERJA-KERJA MEMBAIKI LONGKANG DI BLOK 15, 16, 17 DAN SURAU SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) WANG ULU, MUKIM BINTONG, KANGAR, PERLIS	GRED G2 KATEGORI C E & B PENGKHUSUSAN CE21 DAN B04	LAWATAN TAPAK 19 MEI 2026 (SELASA) JAM 9.00 PAGI DILAKSANAKAN OLEH PEMILIK LESEN (1 ORANG SAHAJA) LOKASI PERKARANGAN BLOK 17 PPR WANG ULU, BINTONG	MULAI 19 MEI 2026 (SELASA) HINGGA 3 JUN 2026 (RABU) DI: KAUNTER BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH), ARAS 2, BLOK A, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS (PADA WAKTU PEJABAT SEBELUM JAM 4.00 PETANG)	4 JUN 2026 (KHAMIS) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI	RM50.00 SECARA TANPA TUNAI (E-BAYAR) (TIDAKAKAN DIKEMBALIKAN) (ebayar.perlis.gov.my)

2. Satu (1) penyebutharga hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga dan menggunakan satu (1) tawaran sahaja.
3. Selain daripada itu, Kontraktor juga perlu membawa dokumen asal (bagi tujuan pengesahan) dan menyerahkan dokumen salinan kepada Pentadbiran ini sebelum dokumen sebut harga diberikan. Dokumen-dokumen tersebut adalah:
- KAD PENGENALAN;
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB);
 - SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN (SSM);
 - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK); DAN
 - SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK).
 - SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)
4. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis No. Sebutharga di sebelah kiri sampul dan ditengahnya ditulis tajuk sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (BPPH) Aras 2, Blok A Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar**, tidak lewat dari jam 12.00 TENGAHARI PADA 4 JUN 2026 (KHAMIS). Sebut harga yang dihantar melebihi jam 12.00 TENGAHARI akan DITOLAK.
5. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pentadbiran ini juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai sebut harga ini, boleh berhubung dengan Pegawai yang terlibat di talian 04-9731874.

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH),
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS
b.p.: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

TARIKH : 14 MEI 2026